

**PENKATEGORIAN NELAYAN BANDAR DAN KEMISKINAN:
PENELITIAN TERHADAP NELAYAN DI PULAU GAYA,
KOTA KINABALU, SABAH**

*Jalilah Md Shah & Hafzah Hj Selamat
Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan
Universiti Malaysia Sabah
jalilah@ums.edu.my*

Abstrak

Dalam literatur, pengkategorian terhadap nelayan lazimnya dibuat berasaskan ukuran kewangan dan bukan kewangan. Misalnya, nelayan termiskin, miskin dan tidak miskin. Pengkategorian bukan kewangan pula merujuk kepada tahap penglibatan nelayan dalam aktiviti penangkapan ikan sama ada secara sepenuh masa mahupun separuh masa serta teknologi yang digunakan. Klasifikasi sebegini telah memberi gambaran bahawa wujud pelbagai jenis nelayan. Namun, kategori sedia ada ini hanya menyentuh tentang nelayan di kawasan luar bandar. Adakah kategori yang serupa wujud dalam kalangan nelayan di kawasan bandar? Sejauh manakah klasifikasi ini memberi impak dalam kehidupan harian nelayan bandar di peringkat komuniti? Bagi menjawab soalan tersebut, artikel ini akan menghuraikan kategori nelayan di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, iaitu kumpulan nelayan yang dikenali sebagai nelayan bandar kerana lokasinya yang terletak di kawasan bandar. Indikator yang mempengaruhi pembentukan sesuatu jenis nelayan dan implikasi kewujudan pengkategorian ini terhadap aktiviti sosioekonomi nelayan bandar turut dikupas dalam makalah ini.

Kata kunci: Nelayan bandar, kategori nelayan; Pulau Gaya, Kota Kinabalu.

Abstract

In the literature, the categorization of the fishermen often made on the basis of financial and non-financial measures such as the poorest fishermen, poor and not poor. Categorization also made based on fishing activities of fishermen such as full-time and part-time fishermen, as well as the technology used. These classifications give the impression of the existence of various types of fishing. However, existing categories are only based on fishermen in rural areas. Does a similar category exist among fishermen in urban areas? To

what extent these classifications have an impact in the daily life of fishermen at the community level? To answer these questions, this paper will describe the category of fishermen in Pulau Gaya, Kota Kinabalu, a group of fishermen called the fishermen of the city because of its location in the downtown area. Indicators that affect the formation of a type of fishing and implications of the existence of this categorization of socioeconomic activities of fishermen also discussed in this paper.

Keywords: *Urban fishermen, category of fishermen, Pulau Gaya, Kota Kinabalu.*

Pendahuluan

Nelayan merupakan aktiviti ekonomi yang tidak lagi secara eksklusif dijana oleh komuniti di kawasan luar bandar. Sebaliknya, penjana pendapatan menerusi kegiatan ini turut berlaku dalam kalangan penghuni bandar khususnya yang tinggal di kawasan berhampiran dan pinggir laut atau sungai. Tanpa mengira lokasi, wujud pelbagai kategori nelayan yang membezakan nelayan yang ada. Apakah kategori nelayan bandar dan indikator yang digunakan untuk menentukan kategori tersebut? Bagaimana pula kategori yang wujud ini mempunyai hubung kait dengan masalah kemiskinan yang kerap dihadapi oleh nelayan? Untuk menjawab soalan-soalan ini, makalah ini membincangkan kategori nelayan bandar yang terdapat di Kampung Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah dan ukuran-ukuran yang digunakan di peringkat komuniti untuk membezakan nelayan terbabit. Selain itu, hubung kait kategori ini dengan kemiskinan turut diuraikan. Bagi maksud tersebut, pengumpulan data dalam artikel ini dikutip menerusi kajian etnografi. Untuk itu, penulis tinggal bersama komuniti dalam tempoh lapan bulan dan melakukan temu bual secara mendalam dan pemerhatian ikut serta sepanjang berada di lapangan.

Klasifikasi Golongan Miskin dan Kategori Nelayan

Penentuan golongan miskin di peringkat antarabangsa menggunakan kayu ukur yang ditetapkan oleh Bank Dunia. Bagaimanapun, setiap negara juga mempunyai cara tersendiri bagi menilai dan menentukan kumpulan miskin di negara masing-masing (Mok, 2009; Ma'rof, 2004). Secara umumnya, wujud tiga kriteria utama untuk menganalisis kemiskinan dalam sesebuah isi rumah.

Pertama kriteria demografi; kedua, ekonomi dan akhir sekali, kriteria sosial (Bank Dunia, 2005). Kriteria demografi merangkumi komposisi dan saiz isi rumah, bilangan tanggungan dan jantina ketua isi rumah. Isi rumah miskin biasanya mempunyai jumlah isi rumah dan tanggungan yang ramai. Sementara itu, ketua isi rumah wanita pula berhadapan dengan diskriminasi ekonomi dan sosial yang lebih tinggi (Mok, 2009) berbanding dengan isi rumah yang diketuai oleh lelaki. Kriteria ekonomi menyaksikan penggunaan pendapatan dan kepenggunaan untuk mengukur kemiskinan. Pekerjaan ketua isi rumah dan harta ahli isi rumah seperti tanah, ternakan dan tabungan diambil kira bagi maksud menganalisis kemiskinan. Namun, ekoran kesukaran untuk menilai harta mengikut harga semasa. Maka, elemen ini kurang praktikal bagi mengukur kemiskinan (Mok, 2009). Akhir sekali adalah kriteria sosial yang terdiri daripada kesihatan, pendidikan dan tempat tinggal (Bank Dunia, 2005). Dengan ini, petunjuk demografi, sosial dan ekonomi yang diutarakan oleh Bank Dunia (2005) menjadi penentu fundamental bagi mengukur kemiskinan secara universal.

Ukuran kemiskinan menggunakan garis pendapatan sememangnya mempunyai kelemahan dalam mengukur fenomena kemiskinan dengan tepat (Dayang Suria, 2004). Walaupun begitu, sebahagian besar negara termasuk Malaysia masih kekal menggunakan indikator ekonomi (Mohamed Saladin *et al.*, 2011) khususnya pendapatan isi rumah untuk mengukur fenomena kemiskinan. Di Malaysia, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) telah dibuat untuk mengukur tahap kemiskinan penduduk di negara ini yang dibahagikan kepada tiga PGK utama. Ia merangkumi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Selain pemisahan mengikut tiga 'wilayah' ini, PGK yang berbeza bagi kawasan luar bandar dan bandar juga telah dilakukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (2006 – 2010). Penentuan golongan miskin melalui PGK telah menghasilkan dua kategori kumpulan miskin, iaitu miskin dan miskin tegar. Pengelasan kumpulan miskin sebegini adalah signifikan bagi menyalurkan program-program pembangunan kepada golongan sasaran.

Penggunaan indikator kewangan seperti pendapatan untuk mengukur garis kemiskinan dalam masyarakat telah dikritik oleh para sarjana. Walaupun PGK mengundang perdebatan, petunjuk ini masih merupakan satu permulaan yang penting bagi menganalisis kemiskinan (Ragayah, 2007). Untuk itu,

penggunaan PGK adalah relevan dalam analisis terhadap nelayan bandar di Kampung Pulau Gaya yang bertitik tolak daripada tiga asas berikut. Pertama, PGK masa kini telah mengambil kira perbezaan kos hidup yang lebih tinggi di kawasan bandar. Kedua, PGK adalah kriteria penting yang digunakan oleh pihak kerajaan di negara ini (Mohamed Saladin *et al.*, 2011; Ragayah, 2007; Ataul Huq *et al.*, 2009; Osman-Rani & Abd. Majid, 1991) menyalurkan bantuan menerusi projek-projek pembasmian kemiskinan kepada golongan miskin (Unit Penyelarasan Pelaksanaan, 2009). Ketiga, pendapatan merupakan petunjuk paling asas bagi membezakan golongan miskin dan kaya di samping boleh digunakan untuk melakukan perbandingan dengan data-data rasmi (Osman-Rani & Abd. Majid, 1991) sedia ada.

Daripada bentuk ukuran kemiskinan ini, wujud tahap-tahap dan istilah untuk mengklasifikasi golongan miskin yang pelbagai seperti golongan berpendapatan rendah, miskin, termiskin dan miskin tegar. Kesemua penggunaan istilah ini bertujuan menjelaskan peringkat dan tahap golongan miskin yang ada di Malaysia. Elemen utama yang mendasari semua klasifikasi tanpa mengira istilah yang digunakan ini adalah pendapatan bulanan. Walaupun begitu, ada sebilangan pengkaji yang menggunakan elemen sosioekonomi lain seperti tahap pendidikan, pemilikan harta dan perumahan (Mustaffa, Ishak & Chamhuri, 2007) sebagai petunjuk tambahan bagi mengkategorikan kumpulan miskin. Istilah miskin tegar yang pertama kali diperkenalkan menerusi RMK-9 telah memberi implikasi terhadap penggunaan istilah ini secara menyeluruh oleh pengkaji di Malaysia. Istilah miskin tegar digunakan bagi menggambarkan penduduk termiskin di negara ini. Di Barat, konsep termiskin dibuat oleh para sarjana untuk membezakan golongan miskin dan golongan papa (Mohd. Taib, 2000). Dengan itu, termiskin adalah gambaran menyeluruh tentang kemiskinan yang lebih serius sama ada dari segi kemiskinan mutlak ataupun kemiskinan relatif (Mohd. Taib, 2000). Sebelum tahun 2006, ramai pengkaji di Malaysia merujuk orang miskin menggunakan dua istilah sahaja, iaitu golongan miskin dan golongan termiskin (Dayang Suria, 2004) yang diasaskan daripada PGK pada tahun-tahun kajian tersebut dikendalikan. Walaupun penggunaan konsep termiskin (*hardcore poor*) acap kali digunakan secara bertindan dan bersilih ganti dengan istilah kemiskinan tegar, ia membawa maksud yang sama.

Dalam konteks kemiskinan bandar, Sharifah Norazizan (2010) telah membahagikan golongan miskin bandar kepada tiga kategori. Pertama, golongan termiskin iaitu isi rumah yang memperoleh pendapatan bulanan kasar separuh daripada PGK ataupun lebih rendah. Kategori kedua pula adalah golongan miskin yang merupakan isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kasar yang melebihi setengah daripada PGK hingga ke paras PGK semasa. Akhir sekali, golongan mudah miskin, iaitu isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kasar melebihi PGK semasa hingga ukuran pendapatan bulanan isi rumah kumpulan pendapatan 30 peratus terendah yakni RM1,200. Pengkategorian kumpulan miskin bandar yang diutarakan oleh Sharifah Norazizan (2010) ini selari dengan tafsiran yang dilakukan oleh Unit Perancang Ekonomi Malaysia.

Seperti pekerjaan lain, nelayan juga mempunyai kategori dan pengklasifikasiannya yang tersendiri. Wan Hashim (1980) membahagikan nelayan kepada tiga kategori berteraskan kepada perbezaan pendapatan bulanan yang diperoleh nelayan. Kategori pertama adalah nelayan susah ataupun nelayan miskin yang mempunyai pendapatan paling rendah daripada ketiga-tiga kategori. Nelayan dalam kategori ini terdiri daripada nelayan pantai yang menggunakan teknologi ringkas dan menangkap ikan secara kecil-kecilan. Kategori kedua pula adalah nelayan sederhana yang pendapatannya mengikut Wan Hashim (1980) tidak begitu tinggi dan tidak juga rendah. Kumpulan ini terdiri daripada nelayan yang bekerja sebagai pemandu bot, juruselam dan bekerja dengan kapal tunda. Jelasnya, kategori kedua ini merupakan nelayan yang makan gaji dan mempunyai majikan. Akhir sekali, kategori nelayan senang yang memperoleh pendapatan bulanan yang agak tinggi. Mereka termasuklah nelayan yang mempunyai kepakaran seperti tekong atau *angkung*. Selain itu, Wan Hashim (1980) turut mengenal pasti satu lagi kategori mereka yang terlibat secara langsung yakni tauke, pemilik bot besar dan golongan pemodal. Golongan ini digelar sebagai ‘tuan punya besar’.

Berbeza dengan pembahagian yang diberikan oleh Wan Hashim (1980), Ishak (1990) mengklasifikasikan nelayan kepada empat kategori utama berdasarkan peralatan menangkap ikan yang digunakan oleh nelayan. Kategori pertama, tauke-pemilik yang merupakan golongan pemodal yang memiliki bot dan pukot. Lazimnya, mereka ini mendominasi alat pengeluaran

dan pemasaran ikan serta mengupah para nelayan untuk mengusahakan aktiviti menangkap ikan. Kategori kedua adalah nelayan kaya yang bekerja dengan tauke sebagai juruselam dan *jongsolar* pukut jerut. Mereka ini merupakan nelayan yang mahir dan orang kepercayaan tauke dalam mengendalikan aktiviti memukat di laut. Seterusnya ialah nelayan sederhana yang terdiri daripada nelayan pantai yang menangkap ikan menggunakan bot kecil dan mempunyai alat penangkapan ikan mereka sendiri. Akhir sekali, nelayan miskin yang tidak memiliki alat pengeluaran dan pergi ke laut sebagai awak-awak. Termasuk dalam kategori ini juga adalah nelayan pantai yang memiliki peralatan yang kecil dan menangkap ikan secara bersendirian. Salah satu aspek penting berkenaan pembahagian kelompok-kelompok nelayan oleh Ishak (1990) ini ialah keupayaan kategori pertama dan kedua dalam pengumpulan modal. Sementara itu, nelayan sederhana dan miskin terikat dengan sistem kredit dengan berhutang kepada tauke, peraih ikan mahupun saudara-mara untuk menyara kehidupan keluarga masing-masing.

Selain peralatan dan pendapatan, kemahiran turut menjadi elemen penting yang membezakan antara kumpulan nelayan. Hal ini telah ditunjukkan dalam kajian Wan Hashim (1980) dan Ishak (1990) sendiri. Justeru, kemahiran menjadi perkara asas yang perlu dimiliki oleh nelayan. Bagi maksud tersebut, Acheson (1981) telah menyenaraikan empat kemahiran yang perlu ada pada seorang nelayan yang merangkumi pertama, pengetahuan nelayan tentang lokasi penangkapan ikan. Kedua, pengetahuan tentang laut seperti kedalaman dan lokasi terumbu karang. Ketiga, pengetahuan lengkap tentang spesies ikan yang hendak ditangkap. Keempat, pengetahuan tentang gerak geri nelayan lain.

Konsep Nelayan Bandar

Nelayan adalah individu yang melakukan kegiatan penangkapan ikan di laut yang tidak kurang daripada 90 hari dalam tempoh setahun (Wan Hashim, 1980). Aktiviti perikanan nelayan bagaimanapun tidak sahaja bertumpu di kawasan laut, sebaliknya terdapat juga nelayan yang menjalankan kegiatan ini di kawasan sungai dan mengusahakan perikanan di darat (*inland fisheries*) seperti penternakan ikan air tawar (Béné & Friend, 2011). Lazimnya, kumpulan nelayan mendiami sesuatu kawasan secara berkelompok, mendirikan rumah

dan tinggal di tepi laut atau sungai serta menjalankan aktiviti penangkapan sumber laut (Acheson, 1981). Seperti yang dibincangkan oleh Redfield (1967), komuniti mempunyai empat ciri utama iaitu keunikan, saiz yang kecil, bersifat *homogeneous* dan berautonomi (Omar, 1975).

Justeru, elemen struktur sosial, sistem ekologi, personaliti dan pandang dunia komuniti perlu dilihat secara holistik bagi memahami sesuatu komuniti. Hal ini disebabkan setiap komuniti memiliki keunikannya tersendiri yang membezakan satu komuniti dengan komuniti yang lain. Omar (1975) menyifatkan keadaan komuniti kontemporari lebih kompleks kerana ia adalah sebahagian daripada sistem yang lebih besar. Di samping itu, wujud pengaruh bandar yang mengubah kehidupan tradisional komuniti. Dengan itu, terdapat dua elemen lain yang sama penting dalam komuniti; pertama adalah elemen tempatan dan tradisional. Kedua ialah elemen yang datang dari luar komuniti (Steward, 1955 dalam Omar, 1975). Kedua-dua elemen ini saling menyerap antara satu sama lain dan saling mempengaruhi serta memberi kesan terhadap cara hidup sesuatu komuniti. Daripada definisi komuniti ini, ia membawa kepada persoalan siapakah komuniti nelayan bandar?

Bagi tujuan artikel ini, komuniti nelayan bandar yang diselidiki ditakrif dari segi geografi lokasi tempat tinggal dan secara ekonomi (Nor Hayati, 2010). Oleh itu, komuniti nelayan bandar adalah komuniti yang tinggal di kawasan pinggir laut atau darat dalam kawasan bandar dan pinggir bandar (Kota Kinabalu); lokasi tempat tinggal nelayan terbabit termasuk dalam bidang kuasa Dewan Bandaraya/Majlis Perbandaran; Banci Penduduk dan Perumahan mengenal pasti isi rumah nelayan tersebut sebagai penghuni bandar; menggunakan kemudahan prasarana yang tersedia di bandar bagi tujuan ekonomi dan kehidupan sosial harian komuniti; dan aktiviti menangkap ikan masih menjadi sumber mata pencarian utama ketua isi rumah nelayan (Jalilah & Nor Hafizah, 2013a). Dalam pada itu, aktiviti penangkapan ikan dijalankan sebanyak 90 hari dan ke atas dalam setahun (Ishak, 1990) di samping menangkap ikan di perairan bandar dan kawasan sekitarnya.

Data daripada Persatuan Nelayan Kota Kinabalu (2012) menunjukkan para nelayan di daerah ini boleh ditemui di sekitar perkampungan dalam Bandaraya Kota Kinabalu dan kawasan sekitarnya. Sebilangan besar nelayan

ini tinggal di kawasan setinggian dalam bandar raya ini iaitu Tanjung Aru, Sembulan dan Pulau Gaya (Jalilah & Nor Hafizah, 2013a). Dari segi geografi, ketiga-tiga kawasan petempatan setinggian ini dibina di atas air dan berhampiran laut. Maka, status sebagai penghuni setinggian menjadikan rumah yang didiami oleh para nelayan bandar ini sentiasa berhadapan dengan isu perobohan. Selain itu, sesetengah perkampungan dalam bandar yang didiami oleh nelayan turut menerima impak pembangunan bandar yang pesat di Bandaraya Kota Kinabalu yang seterusnya menjejaskan mata pencarian para nelayan seperti laluan sungai menjadi sempit seperti yang dialami oleh nelayan di kawasan Putatan, Sabah (Jalilah & Nor Hafizah, 2013a).

Nelayan Bandar di Kota Kinabalu

Data Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) merekodkan nelayan Kota Kinabalu terdiri daripada tujuh kategori yang utama berdasarkan peralatan menangkap ikan yang digunakan. Daripada Jadual 1 jelas memaparkan hampir separuh daripada nelayan yang berdaftar di kawasan Bandaraya Kota Kinabalu pada tahun 2012 adalah nelayan pukat tunda (43.0 peratus), manakala kategori nelayan yang menggunakan pancing atau rawai dalam aktiviti perikanan adalah sebanyak 24.4 peratus. Daripada tujuh kategori nelayan yang berdaftar di bandar raya ini, nelayan yang menggunakan bubu atau kelong adalah paling sedikit, iaitu seramai 17 orang (1.0 peratus).

Jadual 1 Kategori dan bilangan nelayan yang berdaftar di Bandaraya Kota Kinabalu bagi tahun 2012

Kategori	Bilangan	Peratus
Pukat Tunda	740	43.0
Pukat Jerut	222	13.0
Pukat Rantau/3 Lapis	206	12.0
Bubu/Kelong	17	1.0
Pancing/Rawai	420	24.4
Selambau/Bagang	84	4.9
Bintur	30	1.7
Jumlah	1,719	100.0

Sumber: LKIM, 2013

Selain dari pengkategorian sebegini, agensi pembangunan seperti LKIM dan Jabatan Perikanan Sabah mengkategorikan kumpulan nelayan berasaskan jarak lokasi penangkapan ikan dari pantai dan teknologi yang digunakan. Bagi maksud tersebut, zon-zon penangkapan ikan diwujudkan untuk membezakan kawasan operasi menangkap ikan (LKIM, 2013). Untuk itu, terdapat tiga zon kawasan operasi menangkap ikan yang akhirnya membezakan kumpulan nelayan terbabit iaitu (i) Zon A (0 – 5 batu nautika), (ii) Zon B (5 – 12 batu nautika), (iii) Zon C (12 – 30 batu nautika) dan Zon C (ii) 30 batu nautika ke atas. Jarak penangkapan ikan yang dibenarkan kepada nelayan mempunyai hubung kait dengan peralatan yang digunakan. Semakin moden dan berteknologi tinggi peralatan yang digunakan, maka semakin jauh lokasi penangkapan ikan yang dibenarkan. Meskipun pengezonan sebegini kerap mengundang rasa tidak puas hati dalam kalangan nelayan Zon A, seperti pukut jerut dilaporkan kerap masuk zon nelayan pinggir pantai (Ismail, 2013; Jalihah & Nor Hafizah, 2013a), ia dianggap mekanisme terbaik untuk menjaga kepentingan para nelayan, bekalan sumber ikan dan ekologi hidupan marin di negara ini. Pengkategorian dari segi penggunaan teknologi pula menyaksikan nelayan dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu nelayan tradisional (artisanal) dan nelayan komersil.

Profil Nelayan Bandar di Kampung Pulau Gaya, Kota Kinabalu

Pulau Gaya adalah salah satu kawasan perkampungan yang terletak di Bandaraya Kota Kinabalu. Pulau ini mempunyai empat petempatan yang merangkumi Kampung Lok Urai, Kampung Kasuapan (Pasir Putih), Pondo dan Kampung Pulau Gaya di mana kajian ini dijalankan. Sebahagian besar daripada pulau ini termasuk dalam kawasan tanah rizab hutan simpan. Rumah penduduk ada yang didirikan di atas tanah milik persendirian, rizab kampung dan sebahagian besar pula merupakan penempatan setinggan (DBKK, 2013). Bagi maksud perbincangan ini, seramai 45 orang nelayan di Kampung Pulau Gaya, Kota Kinabalu telah ditemui secara mendalam. Profil asas kesemua nelayan sepenuh masa yang terlibat dalam kajian ini dipaparkan dalam Jadual 2. Kajian dalam kalangan nelayan bandar ini mendapati nelayan yang lazimnya merupakan pekerjaan yang didominasi oleh lelaki (Firth, 1990; Wan Hashim, 1980) turut dilakukan oleh wanita. Kedua-dua nelayan wanita ini menangkap ikan bersama suami ataupun turun ke laut bersama nelayan wanita lain.

Seperti yang ditunjukkan menerusi Jadual 2, kumpulan umur para responden boleh dibahagikan kepada tujuh kategori. Responden paling muda menjadi nelayan adalah responden yang berusia 17 tahun. Kedua-dua responden tersebut berhenti sekolah ketika berumur 12 tahun untuk menjadi nelayan sepenuh masa. Majoriti daripada responden kajian ini merupakan nelayan yang berada dalam lingkungan umur 51 hingga 60 tahun. Responden paling berusia ialah seorang nelayan berumur 74 tahun yang ketika kajian ini dilakukan masih ke laut setiap hari. Daripada data ini jelas membuktikan bahawa aktiviti perikanan di Kampung Pulau Gaya diceburi oleh nelayan daripada pelbagai tahap umur.

Dari segi status perkahwinan, kajian ini mendapati sebahagian besar daripada responden iaitu 38 orang telah berkahwin dan mempunyai tanggungan. Ada dalam kalangan responden adalah pencari nafkah tunggal bagi isi rumah masing-masing. Walau bagaimanapun, majoriti daripada pendapatan isi rumah para responden ini disokong oleh isteri dan anak-anak responden. Ahli isi rumah responden ini sama ada bekerja sebagai tukang sapu (*cleaner*) di pusat membeli-belah yang terdapat di Bandaraya Kota Kinabalu, bekerja dalam sektor pelancongan di sekitar pulau ini mahupun anak-anak yang bekerja sebagai nelayan. Selain responden yang telah berumah tangga, kajian ini menemui seramai enam orang responden yang masih bujang. Kesemua responden bujang ini mempunyai ahli isi rumah dan saudara terdekat yang menjadi nelayan. Misalnya, dua orang responden termuda yang berumur 17 tahun bekerja dengan keluarga terdekat, masing-masing memiliki kapal untuk memancing ikan di laut.

Jadual 2 Profil informan

Maklumat	Kekerapan
Jantina	
Lelaki	43
Perempuan	2
Jumlah	45
Umur	
20 dan ke bawah	2
21 – 30 tahun	2
31 – 40 tahun	10
41 – 50 tahun	12
51 – 60 tahun	15
61 – 70 tahun	3
71 dan ke atas	1
Jumlah	45
Status Perkahwinan	
Berkahwin	38
Bujang	6
Balu	1
Jumlah	45
Tahap Pendidikan	
Tidak pernah bersekolah	22
Tamat sekolah rendah	14
Tidak tamat sekolah rendah	7
Tamat menengah rendah	2
Jumlah	45

Kajian lepas berkenaan nelayan di Malaysia mendapati majoriti nelayan tidak pernah bersekolah ataupun gagal menamatkan persekolahan (Ismail, 2013; Nor Hayati, 2010; Wan Mohd Zaifurin, Ibrahim & Abdul Majid, 2009; Fadzilah, 2008). Penemuan yang sama berlaku dalam kalangan nelayan di Kampung Pulau Gaya. Kajian ini mendapati seramai 22 orang responden yang tidak pernah mengikuti sebarang bentuk pendidikan formal. Selebihnya lagi tidak menghabiskan pendidikan masing-masing sama ada di peringkat rendah mahupun menengah. Isu keciciran persekolahan dalam kalangan anak nelayan mempunyai hubung kait dengan tahap kesedaran yang rendah tentang kepentingan pendidikan dalam keluarga (Fadzilah, 2008), faktor kemiskinan dan desakan hidup (Firth, 1990) keluarga nelayan. Hal ini diperkuatkan lagi

dengan tanggapan bahawa pekerjaan sebagai nelayan tidak memerlukan kelayakan pendidikan. Dengan itu, aktiviti perikanan lebih mudah disertai dan dimasuki oleh sesiapa sahaja. Maka, kajian ini mendapati dari segi profil demografi para nelayan di Kampung Pulau Gaya menyamai penemuan kajian-kajian lepas tentang nelayan di kawasan luar bandar di Malaysia. Hal ini menunjukkan tidak kira di mana pun nelayan itu tinggal, golongan nelayan masih merupakan komuniti terpinggir daripada pembangunan pendidikan walaupun akses kemudahan pendidikan di kawasan bandar lebih terbuka luas.

Pengkategorian Nelayan Bandar di Kampung Pulau Gaya, Kota Kinabalu

Kajian dalam kalangan nelayan bandar di Kampung Pulau Gaya mendapati pengkategorian nelayan boleh dibahagikan kepada lima kategori yang utama merangkumi (i) pengkategorian berasaskan peralatan, (ii) tugas dan peranan, (iii) pemilikan lesen, (iv) lokasi penangkapan ikan dan (v) kategori berasaskan tanggapan terhadap nelayan di peringkat komuniti. Setiap kategori ini saling bertindan lapis dan berkait di antara satu sama lain. Maksudnya, seorang nelayan boleh termasuk dalam beberapa kategori bergantung kepada indikator yang digunakan untuk memahami pola dan kesan aktiviti perekonomian nelayan terbabit. Jadual 3 memaparkan kategori nelayan yang terdapat di Kampung Pulau Gaya. Pengkategorian satu hingga empat mempunyai persamaan dengan kategori yang dikenal pasti oleh agensi pembangunan seperti Jabatan Perikanan Sabah dan LKIM. Kesemua kategori ini relevan bagi menentukan kelayakan menerima bantuan dan terlibat dalam pelaksanaan program pembangunan nelayan.

Perbincangan tentang pengkategorian nelayan di Kampung Pulau Gaya menerusi makalah ini hanya menyentuh kategori berasaskan peralatan menangkap ikan yang digunakan dan elemen bukan kewangan yang merangkumi aspek kepakaran, keberanian dan kepayahan. Kesemua elemen ini mempunyai hubung kait dengan tanggapan yang dibina dalam kalangan ahli komuniti tentang pekerjaan sebagai nelayan. Seperti yang dipersembahkan menerusi Jadual 3, kategori nelayan bandar berasaskan peralatan menangkap ikan di lokasi kajian ini boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu pertama nelayan yang menggunakan peralatan tunggal untuk menangkap ikan dan kedua, nelayan yang dikombinasikan lebih daripada satu

alat penangkapan ikan. Bagi kategori pertama, terdapat lima kategori nelayan iaitu nelayan pukot rantau; pancing; rawai; selambau dan bintur. Sebahagian besar informan dalam kategori ini tidak mempunyai lesen menangkap ikan. Namun bagi kategori nelayan selambau, hanya sebilangan awak-awak yang tidak berlesen, sebaliknya bot dan juragan mempunyai lesen.

Bagi kategori kedua, seramai 19 orang informan yang menggunakan lebih daripada satu peralatan menangkap ikan setiap kali turun ke laut. Misalnya, selain membintur ketam, ada juga nelayan yang memukat dan memancing ikan sementara menunggu bintur diangkat. Nelayan yang menggunakan peralatan tunggal khususnya bagi informan yang menjadi awak-awak selambau, ada yang mempunyai perahu sendiri dan turun memancing ketika waktu malam ataupun ketika tidak turun ke laut ekoran hujan atau laut bergelora. Daripada semua kategori ini pula, komuniti Pulau Gaya mempunyai tanggapan daripada perspektif mereka sendiri tentang nelayan yang diklasifikasi sebagai mempunyai status yang dihormati dalam kalangan nelayan dan dianggap sebagai nelayan tulen berasaskan ukuran kepakaran menguasai teknik menangkap ikan dan mahir berhubung perihal laut (Jalilah & Nor Hafizah, 2013b) yang akan dibincangkan dalam bahagian berikutnya.

Jadual 3 Kategori nelayan di Kampung Pulau Gaya

Pengkategorian	Indikator	Jenis Kategori
Pengkategorian Berasaskan Peralatan		
1. Penggunaan enjin	Jenis enjin yang digunakan	i. Enjin sangkut ii. <i>Pumpboat</i> iii. Berdayung
2. Peralatan penangkapan	Jenis pukot/alat tangkapan secara tunggal ataupun kombinasi	i. Selambau ii. Pukot rantau iii. Pukot tangsi iv. Bintur v. Rawai vi. Pancing vii. Kelong
3. Pemilikan bot	Status pemilikan bot	i. Milik sendiri ii. Tumpang iii. Bekerja dengan pemilik

Pengkategorian Berasaskan Tugas dan Peranan		
4. Tugas dan peranan	Keahlian dalam ekspedisi ke laut	i. Juragan a. Selambau b. Bot ii. Nelayan persendirian iii. Awak-awak a. Selambau b. Kapal c. Bot
Pengkategorian Berasaskan Pemilikan Lesen		
5. Pemilikan lesen	Status pemilikan lesen	i. Berlesen ii. Tanpa lesen
Pengkategorian Berasaskan Lokasi Penangkapan Ikan		
6. Lokasi	Kawasan operasi penangkapan ikan	i. Pinggir pantai ii. Sekitar Pulau Gaya iii. Sekitar Pulau Mengalum-Pulau Tiga iv. Sekitar Pulau Layang-layang
Pengkategorian Berasaskan Tanggapan di Peringkat Komuniti		
7. Kepakaran	Kepakaran dan kemahiran	Selambau
8. Keberanian	Keberanian dan pandai mengubah suai	<i>Pumpboat</i>
9. Kepayahan	Kecekalan dan susah payah	Berdayung
10. Bergantung	Memiliki lesen dan bot sendiri	Enjin sangkut

Jadual 4 Bilangan informan berasaskan peralatan menangkap ikan di Kampung Pulau Gaya

Kategori	Bilangan		Jumlah
	Lesen	Tanpa Lesen	
Peralatan Tunggal	9	17	26
Pukat Rantau	3	1	4
Pancing	1	9	10
Rawai	-	1	1
Selambau	5	5	10
Bintur	-	1	1
Kombinasi Peralatan	10	9	19
Pukat Rantau + Pancing	6	4	10
Kelong + Rawai	1	-	1
Pukat Tangsi + Bintur	1	1	2
Pancing + Bintur	-	2	2
Pukat Rantau + Pancing + Bintur	2	2	4
Jumlah	19	26	45

Pengkategorian berasaskan perkakasan menangkap ikan banyak digunakan dalam kajian komuniti nelayan sebelum ini (Wan Hashim, 1980; Firth, 1990; Ismail, 2013). Kesannya, kategori sebegini memberi pemahaman dari segi struktur serta organisasi kerja nelayan yang kemudiannya berhubung kait dengan penjelasan masalah kemiskinan yang berlaku dalam komuniti nelayan. Namun, bagi komuniti di Kampung Pulau Gaya, wujud pengkategorian lain yang dijadikan kriteria untuk menjelaskan jenis nelayan yang ada di perkampungan ini. Petunjuk yang dibina ini adalah berasaskan pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang dipunyai oleh nelayan yang akhirnya dijadikan sebagai landasan di peringkat komuniti untuk membina tanggapan siapa nelayan tulen dalam kalangan nelayan yang ada di Kampung Pulau Gaya. Isu nelayan tulen timbul ekoran lokasi geografi perkampungan nelayan ini yang dikelilingi laut. Justeru, sesiapa pun pada bila-bila masa boleh menangkap ikan. Maka, ketiga-tiga indikator ini boleh membezakan antara nelayan tulen ataupun sebaliknya.

Bagi maksud perbincangan seterusnya, kategori nelayan menggunakan perspektif makna serta ciri-ciri seorang nelayan mengikut kaca mata para nelayan dan penghuni Kampung Pulau Gaya dihuraikan. Jadual 5 memaparkan

kategori nelayan mengikut takrifan serta tanggapan informan dan penduduk Kampung Pulau Gaya. Kajian ini mendapati wujud empat kategori utama nelayan yang terdiri daripada (i) nelayan selambau, (ii) nelayan *pumpboat*, (iii) nelayan berdayung dan (iv) nelayan enjin sangkut yang kesemuanya dibina berdasarkan tanggapan komuniti nelayan yang dikaji. Daripada 45 orang informan yang ditemu bual dalam kajian ini, majoriti iaitu seramai 17 orang termasuk dalam kategori nelayan enjin sangkut. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5, kategori nelayan selambau, nelayan *pumpboat* dan nelayan berdayung ditentukan menggunakan pengetahuan, kepakaran serta kemahiran yang dimiliki nelayan terbabit. Walaupun elemen-elemen ini bersifat subjektif, berpandukan kepada kepercayaan dan pengalaman peribadi nelayan (NAHO, 2005), ia kekal signifikan bagi kelangsungan kegiatan ekonomi para golongan nelayan masa kini (Johanees, 2003). Selain itu, apa yang lebih penting adalah kesemua kayu ukur ini akhirnya menjadi penentu penting kepada status sosial yang dimiliki oleh nelayan dalam komuniti yang dikaji.

Jadual 5 Kategori nelayan mengikut tanggapan di peringkat komuniti

Kategori	Bilangan Informan	Indikator	Tanggapan Komuniti
Selambau	8	Kepakaran dan kemahiran	Dihormati, berpengetahuan, mahir dan nelayan tulen
<i>Pumpboat</i>	6	Keberanian dan pandai mengubah suai	Berani, tidak bergantung kepada bantuan kerajaan
Berdayung	5	Kecekalan dan susah payah	Cekal, kuat semangat dan susah
Enjin Sangkut	17	Memiliki lesen dan bot sendiri	Nelayan bernasib baik dan rata-rata bergantung dengan bantuan kerajaan

Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5, wujud empat kategori utama nelayan bandar di Kampung Pulau Gaya. Setiap kategori ini diukur berasaskan kriteria yang bersifat subjektif dan memberi kesan yang berbeza terhadap kategori nelayan terbabit. Antara empat kategori ini, nelayan selambau mempunyai status sosial yang lebih baik di peringkat komuniti berbanding kumpulan nelayan lain. Faktor yang menyumbang kepada terbentuknya kategori dan status ini dalam kalangan nelayan diperincikan dalam bahagian seterusnya.

Nelayan Selambau

Nelayan selambau adalah kumpulan nelayan yang dihormati dan disegani di Kampung Pulau Gaya. Penggunaan pukot selambau dalam aktiviti perikanan ditemui sejak zaman Kesultanan Sulu lagi (Ismail, 2009). Walaupun begitu, perkembangan pukot selambau di Pulau Gaya berasal dari Mengkabong, Tuaran (Jalihah & Nor Hafizah, 2013b). Nelayan selambau dari sekitar Mengkabong dipercayai merupakan nelayan terawal yang tinggal di Kampung Pulau Gaya. Majoriti daripada nelayan selambau adalah daripada etnik Bajau yang merupakan kumpulan nelayan pertama dan paling lama menjalankan aktiviti perikanan di pulau ini. Selain diklasifikasikan sebagai nelayan paling berpengalaman, nelayan selambau dilihat memiliki kewibawaan dan dedikasi terhadap kerja yang mereka lakukan. Di Kampung Pulau Gaya, nelayan selambau akan bergerak ke laut dalam tiga kumpulan pada setiap pagi. Setiap bot ini diketuai oleh seorang juragan berpengalaman dan dianggotai oleh sekurang-kurangnya tujuh orang awak-awak.

Selain itu, nelayan selambau turut dianggap sebagai nelayan tulen dan mahir berbanding kumpulan nelayan lain. Terdapat empat penjelasan utama yang menyebabkan tanggapan sebegini wujud dalam komuniti. Pertama, operasi menangkap ikan nelayan pukot selambau tersusun dan sistematik. Operasi kerja menangkap ikan melibatkan tiga fasa utama iaitu (i) mengesan keberadaan ikan, (ii) mengumpukan ikan dan (iii) memukat ikan. Setiap fasa ini memperlihatkan aktiviti kerja yang berbeza dan semua krew termasuk juragan bekerjasama bagi memastikan operasi penangkapan ikan berjalan dengan lancar. Kedua, setiap krew memiliki kemahiran khusus dan bekerja sebagai satu pasukan. Sebagai contoh, ada dalam kalangan awak-awak mahir menyelam untuk melihat ikan dalam laut dan berenang bagi menarik perhatian ikan ke pukot (Jalihah & Nor Hafizah, 2013b). Teknik turun ke permukaan air untuk menangkap ikan hanya dilakukan oleh nelayan pukot selambau. Nelayan daripada kategori lain pula melakukan kerja penangkapan ikan dari bot masing-masing.

Ketiga, juragan memiliki pengetahuan luas tentang arus, angin dan laut yang memudahkan pengaturan jadual turun ke laut dan menentukan lokasi serta menjadi penentu, sama ada aktiviti penangkapan ikan dilakukan atau

sebaliknya. Akhir sekali, nelayan selambau mempunyai teknik tersendiri dalam memastikan hasil tangkapan ikan yang berterusan (Jalilah & Nor Hafzah, 2013b). Misalnya, pembinaan rumah ikan yang diperbuat daripada daun nipah di lokasi khusus bagi pembiakan ikan. Dengan ini, nelayan selambau berjaya memastikan ikan sentiasa ada untuk ditangkap. Meskipun hasil tangkapan tidak sama banyak pada setiap masa, nelayan selambau mempunyai lokasi spesifik untuk menangkap ikan. Maka, kepakaran dan pengetahuan yang dimiliki nelayan selambau telah mengangkat kumpulan nelayan ini sebagai nelayan yang paling disegani dalam komuniti nelayan di Kampung Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah.

Nelayan *Pumpboat*

Penggunaan *pumpboat* oleh nelayan dalam kegiatan penangkapan ikan hanya boleh ditemui di negeri Sabah. Terdapat kira-kira 20 orang nelayan *pumpboat* di Kampung Pulau Gaya. Kumpulan nelayan ini digelar sebagai nelayan *pumpboat* kerana mereka menggunakan pam air yang diubah suai sebagai enjin bot. Sebahagian besar nelayan jenis ini mengeluarkan modal sekitar RM700 untuk membeli pam air yang kemudiannya diubah suai di kedai agar boleh berfungsi sebagai enjin bot. Meskipun begitu, penggunaan *pumpboat* untuk aktiviti perikanan adalah dilarang kerana menurut LKIM, ia dianggap sebagai berbahaya kerana sukar dikawal, manakala perahu pula tidak boleh diundurkan. Malahan, seseorang itu perlu mahir mengawal enjin pam air kerana sebilangan besar bot milik nelayan yang menggunakan enjin ini tidak mempunyai gear seperti enjin sangkut. Maka, demi keselamatan para nelayan, pihak LKIM tidak mengeluarkan lesen kepada nelayan *pumpboat*. Dengan itu, kumpulan nelayan ini secara automatik tidak layak menikmati semua insentif dan terlibat dalam program pembangunan nelayan di negeri Sabah.

Berbanding kumpulan nelayan lain di Kampung Pulau Gaya, majoriti daripada nelayan *pumpboat* mempunyai kemahiran membuat perahu. Biasanya, sebuah perahu dibina dalam tempoh seminggu dengan kos sekitar RM500. Rata-rata nelayan *pumpboat* melakukan aktiviti perikanan berseorangan kecuali seorang responden yang turun ke laut bersama anak lelakinya. Kajian ini mendapati nelayan *pumpboat* menggunakan dua perkakas setiap kali menangkap ikan, sama ada pancing tanpa joran dan pukot tangsi

atau pancing dan bintur. Selain itu, ada juga nelayan yang menggunakan satu peralatan sahaja seperti bintur untuk menangkap ketam ataupun pancing tanpa joran untuk memancing ikan. Di peringkat komuniti, nelayan *pumpboat* dianggap sebagai individu yang berani kerana pengendalian *pumpboat* yang boleh mengundang bahaya menuntut keberanian untuk dikendalikan.

Nelayan Berdayung

Daripada empat kategori nelayan yang dibincangkan dalam artikel ini, nelayan berdayung adalah paling sedikit jumlahnya di Kampung Pulau Gaya. Nelayan berdayung juga membina sendiri perahu dan hanya menggunakan dayung untuk menggerakkan perahu. Menurut seorang responden, Kenong, 50-an:

“Perahu saya buat sendiri. Saya belajar daripada orang yang pandai. Kayu saya minta daripada kawan-kawan saya yang bekerja sebagai buruh binaan. Apa boleh buat, saya tidak mampu beli enjin. Jadi saya perlu bertahan saja, lagipun saya bukan dayung laju-laju, perlahan-lahan sahaja.”

Penggunaan perahu yang kecil mempengaruhi jenis dan jumlah peralatan yang dibawa nelayan untuk aktiviti perikanan masing-masing. Nelayan berdayung misalnya membawa kurang daripada lima gelung pukut tangsi dan pancing tanpa joran ketika menangkap ikan. Meskipun nelayan kategori ini berada dalam kategori nelayan susah, kumpulan nelayan ini lebih fleksibel kerana mereka memiliki sendiri peralatan menangkap ikan dan perahu. Dengan itu, nelayan berdayung mempunyai kebebasan untuk turun ke laut mengikut masa yang disukai, tidak terikat dengan tauke dan tidak perlu mengeluarkan kos untuk membeli petrol. Pergantungan nelayan terhadap tulang empat kerat untuk berdayung melawan arus, angin dan ombak menyebabkan nelayan berdayung dianggap sebagai nelayan yang cekal dan susah. Kesemua kategori nelayan berpendapat kepayahan yang dihadapi oleh nelayan berdayung telah menjadikan mereka nelayan yang berdikari kerana tidak mengharapkan bantuan kerajaan.

Nelayan Enjin Sangkut

Dalam kajian ini, nelayan enjin sangkut boleh dibahagikan kepada dua golongan iaitu (i) pemilik bot dan (ii) awak-awak. Sebahagian besar daripada pemilik bot ini berdaftar dan mempunyai lesen. Daripada 17 orang responden, sembilan orang adalah pemilik bot yang berlesen dan seorang pula menjalankan operasi penangkapan ikan tanpa lesen. Selebihnya adalah awak-awak yang menangkap ikan bersama tuan punya bot. Modal untuk turun ke laut seperti petrol dan ais dikongsi bersama ataupun dikeluarkan oleh nelayan yang memiliki bot. Sekiranya modal dikeluarkan secara bersama, maka pendapatan daripada jualan ikan akan dibahagi secara sama rata. Sebaliknya, jika pemilik bot mengeluarkan modal sendirian, dengan itu satu bahagian pendapatan diberikan bagi menampung semula modal yang telah dikeluarkan.

Sebahagian besar daripada nelayan enjin sangkut mempunyai lesen dan berdaftar dengan Jabatan Perikanan Sabah. Justeru, segala bentuk insentif dan manfaat yang diperkenalkan oleh kerajaan menerusi program-program pembangunan untuk nelayan layak diterima oleh kumpulan nelayan enjin sangkut. Jenis program yang diterima termasuklah (i) Program Bantuan Subsidi Petrol, (ii) Program Elaun Sara Hidup sebanyak RM200 sebulan, (iii) Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat dan (iv) Skim Intensif Tangkapan Ikan (Jalilah & Nor Hafizah, 2013c). Akses kepada kemudahan yang banyak ini menyebabkan nelayan enjin sangkut dianggap sebagai bertuah berbanding nelayan *pumpboat* dan nelayan berdayung. Walau bagaimanapun, hal ini juga mengundang tanggapan negatif dalam kalangan sebilangan kecil nelayan dan penduduk di Kampung Pulau Gaya kerana nelayan enjin sangkut dilihat sebagai terlalu bergantung dan mengharapkan bantuan kerajaan.

Kategori Nelayan Bandar dan Kemiskinan

Pemilikan terhadap peralatan penangkapan ikan mempengaruhi pendapatan dan memberi kesan ke atas kehidupan miskin yang dialami para nelayan (Wan Hashim, 1980). Tiadanya hak milik terhadap peralatan asas aktiviti nelayan seperti pukot, enjin dan bot boleh menjejaskan mata pencarian nelayan. Hal ini demikian kerana nelayan terbabit perlu membahagikan pendapatan yang diperoleh dengan nelayan lain disebabkan mereka menumpang menangkap

ikan bersama nelayan lain ataupun menerima upah daripada tauke disebabkan bekerja sebagai awak-awak. Sifat ketidakpastian dan tiadanya jaminan bahawa ikan boleh ditangkap dengan banyak setiap kali turun ke laut turut mempengaruhi pendapatan yang tidak menentu diperolehi nelayan. Dengan kata lain, sumber pendapatan para nelayan adalah tidak tetap. Oleh itu, golongan ini sangat terdedah kepada masalah kemiskinan.

Kajian ini mendapati sememangnya nelayan selambau mempunyai kedudukan dan status yang baik di peringkat komuniti. Bagaimanapun seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5, wujud jurang pendapatan yang amat ketara antara juragan selambau dan awak-awak selambau. Juragan yang memperoleh pendapatan yang lebih banyak memiliki kehidupan yang lebih baik berbanding awak-awak. Pemerhatian penulis di lapangan mendapati rumah milik juragan jauh lebih besar dan dilengkapi perabot berbanding awak-awak selambau. Dari segi pecahan pendapatan, juragan menerima tiga bahagian daripada keseluruhan pendapatan nelayan selambau iaitu (i) upah juragan, (ii) upah menjaga bot dan enjin serta (iii) upah menjaga dan membaiki pukat. Memandangkan bot dan enjin selambau dimiliki oleh tauke, maka pendapatan daripada hasil tangkapan akan dibahagi kepada dua terlebih dahulu iaitu satu bahagian untuk tauke dan satu lagi untuk 'orang laut.' Bahagian 'orang laut' merujuk kepada para krew yang mengendalikan operasi menangkap ikan. Pendapatan untuk bahagian 'orang laut' ini pula dibahagikan kepada empat bahagian utama dan awak-awak hanya menerima satu bahagian sahaja. Menjelaskan sebab juragan memperoleh tiga bahagian daripada pendapatan 'orang laut', Asmat mengatakan:

“Kalau kawan-kawan (awak-awak) dapat RM50 seorang, saya akan dapat RM150. Sebabnya, saya yang jaga bot, jaga enjin dan jaga pukat. Kalau pukat koyak saya yang jahit, kalau bot rosak, saya juga yang baiki semua. Cuci perahu pun saya yang buat.”

Pendapatan para nelayan turut diperolehi daripada sumber lain. Nelayan yang berdaftar dan mempunyai kad pendaftaran nelayan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Sabah layak menerima Elaun Sara Hidup sebanyak RM200 sebulan. Insentif kewangan pula diberikan kepada juragan yang berdaftar oleh LKIM menerusi Skim Insentif Tangkapan Ikan.

Seorang juragan yang berdaftar dan memiliki kad e-petrol ini menerima insentif sebanyak RM0.10 per kilogram bagi tangkapan ikan yang dilaporkan kepada Sistem e-Perisytiharan. Insentif yang dikreditkan secara terus ke akaun Agrobank nelayan lazimnya hanya diambil pada penghujung tahun. Dengan ini, pendapatan secara tidak langsung yang diperoleh juragan dijadikan simpanan dan hanya digunakan ketika waktu kecemasan dan perlu sahaja seperti pukot rosak dan menampung perbelanjaan Hari Raya. Ada dalam kalangan juragan yang berkongsi hasil insentif ini bersama awak-awak. Sebaliknya, ada juga juragan yang tidak berbuat demikian. Sebilangan kecil awak-awak tidak berpuas hati dengan tindakan juragan yang enggan berkongsi wang daripada skim insentif yang diterima. Menurut responden, hasil usaha dan susah payah di laut sewajarnya dinikmati sama rata oleh setiap krew. Namun, mereka terpaksa menerima keadaan ini kerana mengakui juragan mempunyai hak sebagai ketua untuk berbuat demikian disebabkan tanggungjawab yang dipikul juragan untuk menjaga pukot dan bot. Meskipun anggaran pendapatan bulanan dalam kalangan awak-awak selambau lebih rendah berbanding juragan selambau, pendapatan mereka ini lebih tinggi jika dibandingkan dengan nelayan *pumpboat* dan berdayung.

Persoalannya, kumpulan nelayan bandar yang manakah dikaitkan dengan kemiskinan di Kampung Pulau Gaya? Daripada empat kategori nelayan yang dibincangkan dalam makalah ini, nelayan berdayung merupakan nelayan yang berpendapatan paling rendah setiap kali mendapat hasil tangkapan terutamanya ketika musim ikan kurang. Umumnya, terdapat tiga musim penangkapan ikan dalam kalangan nelayan di Kampung Pulau Gaya iaitu (i) musim barat (Ogos hingga Oktober), (ii) musim selatan (April hingga Julai) dan (iii) musim utara (November hingga Mac). Daripada tiga musim ini, musim utara adalah musim ikan paling banyak, manakala musim selatan merupakan musim ikan kurang. Ketika musim utara umpamanya, nelayan selambau boleh mendapat ikan sehingga 700 kilogram sebaliknya dalam musim selatan pula sekitar 200 kilogram sahaja. Kajian ini mendapati pendapatan harian nelayan tanpa mengira kategori adalah tidak konsisten dan tertakluk pula kepada harga ikan yang ditawarkan oleh tauke, pemborong ataupun peniaga. Umumnya, anggaran pendapatan yang diperoleh nelayan berdayung setiap kali turun ke laut adalah sekitar RM20.00 hingga RM40.00 ketika musim ikan kurang dan mencecah RM50.00 hingga

RM100.00 pada musim banyak ikan (lihat Jadual 6). Dua faktor utama yang menyumbang kepada perkara ini iaitu (i) lokasi aktiviti nelayan berdayung hanya bertumpu di perairan Pulau Gaya dan sekitarnya, (ii) perahu kecil tidak mampu menampung tangkapan yang banyak dan berat selain daripada peralatan menangkap ikan yang digunakan sangat terhad jumlahnya. Lebih-lebih lagi nelayan yang hanya menggunakan peralatan tunggal seperti bintur yang digunakan khusus untuk menangkap ketam.

Nelayan enjin sangkut memperoleh anggaran pendapatan yang lebih besar terutamanya ketika musim ikan banyak iaitu sekitar RM150 hingga RM300 setiap kali turun ke laut (lihat Jadual 6). Namun, pendapatan kumpulan nelayan ini belum ditolak kos petrol dan ais sekitar RM50. Modal untuk ais dan petrol ada kalanya dikeluarkan secara bersama oleh nelayan enjin sangkut. Namun, kajian ini juga menemui pemilik bot yang mengeluarkan wang bagi tujuan tersebut. Nelayan atau pemilik bot yang mengeluarkan modal akan mengambil sejumlah wang daripada jualan ikan terlebih dahulu sebelum mengagihkan pendapatan kepada nelayan lain. Sebahagian besar nelayan enjin sangkut juga membahagikan pendapatan sama seperti nelayan selambau kerana terdapat lebih daripada seorang nelayan yang terlibat dalam operasi menangkap ikan.

Jadual 6 Anggaran pendapatan nelayan setiap kali turun ke laut

Kategori Nelayan	Anggaran Pendapatan (musim ikan banyak)	Anggaran Pendapatan (musim ikan kurang)
Selambau Juragan Awak-awak	RM600 RM200	RM150 RM 50
<i>Pumpboat</i>	RM70 – RM100	RM50
Berdayung	RM50 – RM100	RM20 – RM40
Enjin sangkut	RM150 – RM300	RM50 – RM90

Adakah dapatan ini membuktikan bahawa nelayan di Kampung Pulau Gaya merupakan nelayan senang dan tidak miskin? Beberapa aspek perlu dipertimbangkan untuk memahami realiti pendapatan yang diperoleh para nelayan. Pertama, majoriti nelayan hanya aktif ke laut di antara 10 hingga 15 hari sebulan iaitu ketika bulan gelap. Kedua, faktor cuaca dan musim-musim ikan yang perlu dihadapi oleh para nelayan sepanjang tahun.

Musim ikan banyak berlaku sekitar tempoh empat bulan dalam tempoh satu tahun. Sementara baki lapan bulan lagi pendapatan nelayan sedikit dan ada kalanya langsung tidak mendapat ikan ketika turun ke laut. Justeru, sekiranya pendapatan daripada aktiviti perikanan dijadikan ukuran, maka ketika musim ikan banyak, lebih 80.0 peratus daripada nelayan di Kampung Pulau Gaya terkeluar daripada kategori miskin dengan pendapatan sebanyak RM1,080 seperti yang ditetapkan dalam PGK di kawasan bandar di negeri Sabah (EPU, 2013). Sebaliknya, ketika musim ikan kurang, majoriti nelayan yang dikaji berada dalam kelompok miskin kecuali juragan. Nelayan berdayung dan awak-awak juragan pula termasuk dalam kelompok miskin tegar, iaitu berpendapatan di bawah RM630 sebulan. Kajian ini juga tidak menolak sebahagian besar nelayan bagi semua kategori pernah berhadapan dengan situasi langsung tidak mendapat sebarang hasil tangkapan ketika turun ke laut. Ketika musim ikan kurang, responden pernah berhadapan dengan situasi gagal menangkap ikan untuk tempoh hampir sepuluh hari. Ada ketikanya pula, hasil tangkapan hanya mencukupi untuk menampung keperluan keluarga sahaja. Keadaan ini kerap berlaku dalam kalangan nelayan kategori berdayung. Menurut Hussin, 38 tahun yang merupakan nelayan berdayung:

“Kadang-kadang tangkapan saya tidak pun cukup untuk dijual. Saya hanya dapat satu kilo sahaja, mana dapat jual lagi, sikit tu. Hanya cukup untuk makan keluarga saya sahaja.”

Kenong, 50-an yang juga merupakan nelayan berdayung pula mengatakan:

“Jika dapat banyak ikan, bahagia! Tapi kalau kosong (tiada ikan), lemah sahaja. Tapi pengalaman saya setakat ni, saya tidak pernah lagi kosong. Paling teruk pun, mesti ada untuk lauk.”

Kajian ini mendapati pendapatan kesemua nelayan tanpa mengira kategori adalah tidak tetap. Hal ini demikian kerana jumlah tangkapan nelayan Kampung Pulau Gaya bergantung kepada beberapa faktor. Musim ikan dan cuaca yang berkait pula dengan faktor struktural yang lain seperti peralatan yang digunakan, lokasi penangkapan ikan dioperasikan serta kekerapan para nelayan turun ke laut, harga pasaran ikan serta modal dan pendapatan yang perlu diagih-agihkan. Keadaan ini akhirnya menyebabkan anggaran pendapatan bulanan sebahagian besar nelayan bandar ini termasuk

dalam kelompok miskin dengan pendapatan di bawah PGK yang ditetapkan. Bagaimanapun, bagi nelayan yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Sabah yang sebahagian besar terdiri daripada nelayan selambau dan nelayan enjin sangkut memperoleh ‘pendapatan sampingan’ menerusi Elaun Sara Hidup sebanyak RM200 setiap bulan. Nelayan berdayung dan nelayan *pumpboat*, sebaliknya bergantung sepenuhnya kepada pendapatan daripada hasil tangkapan ikan. Insentif yang diberikan oleh kerajaan telah meningkatkan pendapatan nelayan yang berdaftar. Walau bagaimanapun, ia masih tidak dapat mengeluarkan nelayan ini daripada PGK terutamanya ketika musim ikan kurang.

Penutup

Pemahaman terhadap jenis dan kategori nelayan dalam komuniti boleh diukur menggunakan pendapatan dan perkakasan penangkapan ikan (Wan Hashim, 1980; Ishak, 1990; Ismail, 2013), kemahiran (Acheson, 1981; Ishak, 1990) dan pengetahuan yang dimiliki para nelayan (Ames, 2003; Fadzilah, 2008; Jaliyah & Nor Hafizah, 2013b). Dengan kata lain, ukuran berbentuk bukan kewangan adalah sama penting dengan ukuran berbentuk kewangan dalam memahami serta menilai kepelbagaian kategori nelayan yang wujud dalam komuniti ini. Hal ini demikian kerana ukuran bukan kewangan seperti kemahiran dan pengetahuan akhirnya turut memberi kesan serta mempengaruhi elemen kewangan terutamanya pendapatan para nelayan dan kebolehpayaan mereka memiliki peralatan penangkapan ikan. Maka, kedua-dua indikator ini saling berkait dan mempengaruhi antara satu dengan lain dan relevan digunakan untuk memahami pelbagai bentuk operasi aktiviti nelayan, hubungan sosial yang terbentuk dalam kalangan nelayan dan tanggapan yang terbina di peringkat komuniti tentang nelayan.

Kajian ini mendapati di peringkat komuniti, penggunaan indikator bukan kewangan adalah meluas dan dominan dalam menentukan kategori nelayan yang wujud di Kampung Pulau Gaya. Justeru, berdasarkan ukuran kepakaran, kemahiran dan kecekalan yang dimiliki nelayan serta tanggapan komuniti, wujud empat kategori nelayan dalam komuniti yang dikaji iaitu nelayan selambau, *pumpboat*, berdayung dan nelayan enjin sangkut. Pengkategorian nelayan sebegini menunjukkan wujud kumpulan nelayan yang

mahir, berpengetahuan dan mendapat pengiktirafan di peringkat komuniti yang membezakan di antara satu kategori nelayan dengan kategori yang lain. Walaupun setiap kategori nelayan ini mempunyai keunikan dan kelebihan tersendiri, sekiranya pendapatan nelayan daripada perikanan dijadikan ukuran, miskin merupakan kategori dan masalah yang dikongsi sebahagian besar nelayan bandar di Kampung Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah.

Rujukan

- Acheson, J. M. (1981). Anthropology of fishing. *Annual Review of Anthropology*, Vol. 10, hlm. 275–316.
- Ames, T. (2003). Putting fishermen's knowledge to work: Promise and pitfalls. *Putting Fisher's Knowledge to Work Conference Proceedings, August 27–30, 2001*. Vancouver: The Fisheries Centre, University of British Columbia.
- Ataul Huq Pramanik, Moha Asri Abdullah, Alias Mat Derus & Nizam Barom. (2009). *Urban poverty a case study of Malaysia*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.
- Bank Dunia. (2005). Introduction to Poverty Analysis. Diakses daripada <http://siteresources.worldbank.org/PGLP/Resources/PovertyManual.pdf> pada 3 Oktober 2011.
- Dayang Suria Hj. Mulia. (2004). *Strategi dan program pembasmian kemiskinan luar bandar di Sabah: Satu kajian awal. Siri penerbitan penyelidikan sains sosial No. 1*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (2013). Kertas Edaran Jawatankuasa Pembangunan Bersepadu Pulau Gaya, Jabatan Perancangan Bandaraya. Tidak Diterbitkan.
- Economic Planning Unit. (2013). Perangkaan Pendapatan dan Kemiskinan Isi Rumah Sepintas Lalu. Diakses daripada <http://www.epu.gov.my> pada 10 Mac 2014.
- Fadzilah Majid Cooke. (2008). *The Bajau of Mengkabong: Potential partners in wetlands conservation?*. Seminar Paper Series Number 5, 2008. Research Unit for Ethnography and Development, School of Social Sciences, Universiti Malaysia Sabah.
- Firth, R. (Terj. Yaacob Harun & Noor Hasnah Moin). (1990). *Nelayan Melayu ekonomi tani mereka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Shari. (1990). *Ekonomi nelayan pengumpulan modal, perubahan teknologi dan pembezaan ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Ali. (2013). *Nelayan artisanal di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

- Jalilah Md Shah & Nor Hafizah Hj. Selamat. (2013a). *Nelayan bandar di Kota Kinabalu, Sabah: Peluang dan cabaran*. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Intelektual Kebangsaan 2013 pada 17–18 April 2013 anjuran Jabatan Sejarah dan Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Jalilah Md Shah & Nor Hafizah Hj. Selamat. (2013b). *Tangkapan banyak kerana tuah?: Pengetahuan tempatan dan amalan pribumi oleh nelayan bandar di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah*. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Serantau Kearifan Tempatan ke-3 pada 6–7 Oktober 2013 Anjuran Kumpulan Kearifan Tempatan, Universiti Sains Malaysia. Sutra Beach Resort, Kuala Terengganu, Terengganu.
- Jalilah Md Shah & Nor Hafizah Hj. Selamat. (2013c). *Penglibatan nelayan bandar dalam program pembangunan komuniti: Penelitian terhadap nelayan bandar di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah*. Kertas kerja dibentangkan di The 5th Social Sciences Postgraduate National Seminar 2015 pada 16 Disember 2013, anjuran Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.
- Johannes, R.E. (2003). *Fishers knowledge management: Differing fundamentals in artisanal and industrial fisheries*. Putting Fisher's Knowledge to Work Conference Proceedings, August 27–30, 2001. Vancouver: The Fisheries Centre, University of British Columbia.
- Mohamed Saladin Abdul Rasool, Mohd Fauzi Mohd Harun, Ariffin Mohd Salleh & Noraini Idris. (2011). Poverty measurement in Malaysia: A survey of the literature. *Akademika*, Vol. 81(1), hlm. 73–81.
- Mohd. Taib Dora. (2000). *Peminggiran sosial: Keluarga Melayu termiskin bandar*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok, Thai Yoong. (2009). Poverty lines, household economies of scale and urban poverty in Malaysia. Tesis PhD. Lincoln University.
- Mustaffa Omar, Ishak Yussof & Chamhuri Siwar. (2007). Menangani masalah kemiskinan melalui strategi peningkatan modal insan di kalangan penduduk Pulau Tuba dan Pulau Dayang Bunting, Langkawi. Dlm. Arshad Abd. Samad, Asmawati Suhid, Bahaman Abu Samah, Jamilah Othman, Jegak Uli, Mazanah Muhamad, Nobaya Ahmad & Samsilah Roslan (Penyunting). *Prosiding Seminar Kebangsaan Sains Sosial, Sains Sosial Teras Pembangunan Modal Insan*, Jilid 2. Serdang: Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia.
- Nor Hayati Sa'at. (2010). Keluar dari lingkaran kemiskinan: Mobiliti sosial di kalangan komuniti pesisir pantai, Kuala Terengganu. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.

- Omar bin Abdullah. (1975). Konsep komuniti sebagai 'a whole': Satu tinjauan. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, Jld. IV, 1975/1976.
- Osman Rani Hassan & Abdul Majid Salleh. (1991). The Malays in the Malay Reserve Areas of Kuala Lumpur: How poor are they?. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, Vol. 23, Disember 1991, hlm. 119–148.
- Ragayah Haji Mat Zin. (2007). Understanding the formulation of the revised poverty line in Malaysia. *Akademika*, 70 (Januari) 2007, hlm. 21–39.
- Sharifah Norazizan Syed Abd Rashid. (2010). Cabaran perbandaran dan kemiskinan bandar di Malaysia. Dlm. Laily Paim & Sharifah Azizah Haron (Ed.). *Kemiskinan di Malaysia: Isu Fundamental & Paparan Realiti*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Wan Hashim Wan Teh. (1980). *Komuniti nelayan di Pulau Pangkor: Beberapa aspek ekonomi dan sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang @ Wan Ahmad, Ibrahim Mamat & Abdul Majid Mohd Isa. (2009). Faktor peramal minat belia untuk menjadi nelayan: Satu kajian di Mukim Kuala Besut, Terengganu. *Jurnal Teknologi*, 50 (E) Jun 2009, hlm. 29–52.